



MOD.100-2/1/2 Jld 7 (11) 01/05

PROGRAM DIGITALISASI SEKOLAH DALAM KEM KEMENTERIAN PERTAHANAN MENYOKONG DASAR PENDIDIKAN DIGITAL NEGARA

1. **SUBANG, 2 Mei 2025** – Timbalan Menteri Pertahanan, YB Adly Zahari telah menyempurnakan **Majlis Peluncuran Program Digitalisasi Sekolah Dalam Kem (SDK) Sekolah Kebangsaan TUDM Subang (SK TUDM Subang)** dan merasmikan **studio digital** yang dinamakan sebagai **Affin Digital Space SK TUDM Subang** yang mempunyai teknologi layar hijau (*green screen*) untuk kegunaan pelajar dan pendidik melaksanakan program-program berasaskan media digital dengan kandungan kreatif.
2. Semasa berlangsung, kru-kru SK TUDM Subang telah menyampaikan taklimat tentang penggunaan layar hijau, teknik suntingan menggunakan aplikasi suntingan dan teknik pencahayaan dalam penghasilan video. Turut dipersembahkan proses rakaman video pendek (*real live*) oleh kru SK TUDM Subang yang turut mengundang YB Adly sebagai salah seorang tetamu jemputan dalam program 'Sembang Bersama Timbalan Menteri Pertahanan'.
3. Selain itu, YB Timbalan MENHAN juga telah menyaksikan sesi penyerahan replika cek oleh Ketua Pengarah Eksekutif, Perbankan Komuniti Kumpulan, Affin Bank Berhad, Encik Mohammad Fairuz bin Mohd Radi kepada Guru Besar SK TUDM Subang, Puan Zatul Bazamah binti Abu Bakar. Penyerahan replika cek tersebut adalah simbolik kepada sumbangan dari pihak Affin Bank Bhd kepada pihak sekolah dalam merealisasikan penubuhan Affin Digital Space SK TUDM Subang.
4. **Affin Digital Space SK TUDM Subang** adalah merupakan inisiatif Kementerian Pertahanan (MINDEF) ke arah membudayakan teknologi kreatif dikalangan anak-anak Warga Kerja Pertahanan (WKP). Ia menyokong Dasar Pendidikan Digital yang telah dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2023 dengan matlamat **melahirkan murid fasih digital** bagi memenuhi era digital. Selain itu ia juga mengupayakan pendidik dan pemimpin pendidikan untuk mengintegrasikan teknologi digital dalam ekosistem pendidikan, memperkukuh infrastruktur dan kandungan pendidikan digital serta mengoptimumkan penglibatan aktif rakan strategik sebagai pemangkin pendidikan digital.

5. Menyahut kepada dasar pendidikan, **MINDEF telah merencanakan projek rintis bagi program digitalisasi sekolah melibatkan tiga buah SDK dengan kerjasama rakan-rakan strategik iaitu KPM dan Affin Bank Berhad.** Perlaksanaannya, SK TUDM Subang adalah merupakan sekolah kedua yang menerima manfaat ini selepas SK KEMENTAH yang telah memiliki studio teknologi layar hijau pertama menerusi program ini pada 13 Mac 2025, baru-baru ini. Walau bagaimanapun, MINDEF sedang merangka Sekolah Kebangsaan Sir Sultan Ibrahim, Johor sebagai sekolah yang bakal menerima manfaat yang sama.
6. Ia memperlihatkan usaha MINDEF menyokong **Fokus 4: Memperkukuh Ekosistem Kesejahteraan – Perutusan Tahun Baharu Menteri Pertahanan 2025** selain menyokong agenda bersepadu nasional merangkumi **Membangun Negara MADANI** dan **Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara** serta cabaran dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP).
7. Turut hadir dalam Majlis Peluncuran Program Digitalisasi SDK SK TUDM Subang pada pagi ini ialah Komander Pangkalan Udara Subang; Brigedier Jeneral Yusri bin Jamari TUDM, Pengarah Eksekutif, Perbankan Komuniti Kumpulan, Affin Bank Berhad; Encik Mohammad Fairuz bin Mohd Radi dan Guru Besar SK TUDM Subang; Puan Zatul Bazamah binti Abu Bakar.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia

2 Mei 2025